

DATE: 27/02/2008

Kerajaan tak pilih kasih bantu rakyat: Pak Lah

BH - 27/2/2008

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Barisan Nasional (BN) sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan tidak pernah pilih kasih membantu rakyat sama ada kakitangan kerajaan atau bekerja sendiri.

Perdana Menteri berkata, kakitangan dan pesara kerajaan menikmati peluang kenaikan gaji dan pencen, selain menerima rawatan perubatan murah di hospital kerajaan.

Malah, katanya, kerajaan sentiasa membantu golongan yang bekerja sendiri seperti petani dan peniaga dengan memberikan subsidi baja serta pinjaman tanpa faedah.

"Ini menunjukkan kerajaan BN prihatin dan mahu memastikan seluruh rakyat menikmati taraf hidup tinggi," katanya ketika berucap selepas melawat Bilik Gerakan Pilihan Raya Umno Permatang Tinggi C, di sini, malam tadi.

Beliau ditemani isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah. Abdullah turut melawat Bilik Gerakan Umno DUN Bertam.



TURUN PADANG: Abdullah melawat Bilik Gerakan Umno Permatang Tinggi C di Kepala Batas, malam tadi.